



# SIARAN MEDIA

---

## **PRA PELANCARAN PAVILION MALAYSIA UNFCCC-COP29 BAKU**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melancarkan pra pelancaran Pavilion Malaysia di Persidangan ke-29 Negara Ahli Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC-COP29) yang disempurnakan oleh YB Menteri, Nik Nazmi Nik Ahmad bersempena Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko-Malaysia (IGEM) 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hari ini.

Pavilion Malaysia di COP29 bakal mengetengahkan inisiatif kerajaan dan syarikat-syarikat Malaysia di peringkat global serta membuka peluang kepada sektor swasta untuk menarik pelaburan dan mewujudkan peluang kerjasama dalam menyokong peralihan ekonomi rendah karbon.

Dengan pembangunan Pavilion Malaysia di COP29 mencerminkan penglibatan aktif Malaysia dan komitmen berterusan kerajaan dalam menangani kesan perubahan iklim. Mengambil kira kepengerusian ASEAN pada 2025, Malaysia bersedia untuk menerajui agenda iklim global dan serantau.

Mewakili Kerajaan Malaysia, penyertaan NRES selaku Sekretariat UNFCCC-COP29 mempamerkan komitmen Malaysia sebagai sebuah negara yang komited dan progresif dalam menangani isu perubahan iklim. Pada tahun ini, Kementerian juga menjangkakan beberapa

dokumen perjanjian akan ditandatangani di COP29 yang melibatkan syarikat dalam negara dan antarabangsa.

Penglibatan NRES juga bukan sahaja bagi menghadiri proses rundingan malah untuk membincangkan garis panduan, modaliti dan program kerja bagi pelaksanaan Perjanjian Paris.

NRES juga menubuhkan Panel Penasihat Perubahan Iklim dan Panel Konsultatif Perubahan Iklim pada tahun 2023 yang dianggotai oleh wakil syarikat-syarikat, wakil NGO dan wakil belia yang akan terlibat secara langsung dalam penganjuran program di Pavilion Malaysia. Beberapa sesi libat urus melibatkan pelbagai kementerian, jabatan, kerajaan negeri serta ahli-ahli panel daripada negara luar dan organisasi antarabangsa telah dilaksanakan bagi merangka penganjuran program-program di Pavilion Malaysia semasa COP29.

UNFCCC-COP29 merupakan sesi rundingan dan mesyuarat tahunan antarabangsa yang terbesar di dunia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membincangkan isu-isu berkaitan perubahan iklim dengan Republik Azerbaijan sebagai tuan rumah yang akan diadakan di Stadium Olimpik Baku pada 11 sehingga 22 November 2024.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 9 OKTOBER 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

